

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 32

## Tadbir urus cekap pulihkan ekonomi

# Tadbir urus cekap pulihkan ekonomi

Prestasi ekonomi negara diiktiraf terbaik di Asia Tenggara, kata Ismail Sabri

Oleh NORAWAZNI YUSOF  
KUANTAN

**K**ecakapan tadbir urus kerajaan membolehkan negara keluar daripada pelbagai kemelut yang memberi kesan kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, negara pernah mengharungi tempoh sukar sejak kebelakangan ini dan ia bermula dengan pandemik Covid-19.

Menurutnya, kini negara berdepan pula dengan krisis geopolitik dunia dan perubahan iklim global yang memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan.

"Hari ini prestasi ekonomi negara diiktiraf sebagai yang terbaik di Asia Tenggara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 8.9 peratus pada suku kedua berbanding 5.0 peratus pada suku pertama tahun ini.

"Kerajaan juga berjaya mengembalikan pasaran buruh ke tahap guna tenaga penuh. Kadar pengangguran pada Ogos lalu iaitu 3.7 peratus jauh lebih rendah berbanding Ogos 2021 iaitu 4.6 peratus," katanya.

Belliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Jelajah Aspirasi #Keluarga Malaysia di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Menurut Ismail Sabri, Malaysia juga diiktiraf sebagai negara ke-18 paling aman di dunia daripada 163 negara dan kedua di Asia berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) 2022 yang mengukur kedamaian global di dunia.



Ismail Sabri (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Pahang di Kuantan pada Sabtu.

Menurutnya, kadar inflasi negara juga mencatatkan penurunan kepada 4.5 peratus pada September lalu berbanding 4.7

peratus pada Ogos lalu.

"Kadar ini lebih rendah berbanding negara serantau dan negara lain iaitu Zon Euro (10 pe-

ratus), Amerika Syarikat (8.2 peratus), Thailand (6.4 peratus), Filipina (6.9 peratus) dan Republik Korea (5.6 peratus)," ujarnya.